



**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI TEMERLOH
DALAM NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR
[PENGKULUNGAN SYARIKAT NO: CB-28NCC-2-03-2019]**

**Dalam perkara seksyen 465(1) (e) dan
466 (1) (a) Akta Syarikat 2016**

Dan

**Dalam Perkara Aturan 7(2) Kaedah-
Kaedah Pengkulan Syarikat 1972**

Dan

**Dalam Perkara Cempaka Indah Sdn.
Bhd.**

ANTARA

- 1. RAJA GOPAL A/L MUNISAMY**
- 2. SUMATHI A/P RAMASENDRIN**
Kedua-duanya berniaga sebagai

**SS ROAD WORK ENGINEERING
(No. Syarikat: CA0205824-W)**

**... PEMPETISYEN-
PEMPETISYEN**

DAN

**CEMPAKA INDAH SDN. BHD.
(No. Syarikat: 112316 – T)**

... RESPONDEN

PENGHAKIMAN**Fakta Kes**

[1] Pada 19.11.2018 Pempetisyen telah memperolehi suatu award muktamad [P2] terhadap Responden daripada Tribunal Timbang Tara berjumlah RM 877,961.10 dan kos sebanyak RM 89,690.71 beserta faedah 5 % setahun ke atas jumlah hutang tertunggak sehingga penyelesaian penuh. Setakat 7.12.2018, hutang tertunggak Responden kepada Pempetisyen berjumlah RM 970,170.36. Pada 10.12.2018 Pempetisyen melalui firma peguam Messrs. Siew & Jasmeet telah menyerahkan notis [P3] bertarikh 7.12.2018 kepada Responden menurut seksyen 466 (1) (a) Akta Syarikat 2016 menuntut Responden membuat bayaran RM 970,170.36 dalam masa 3 minggu dari tarikh penyerahan notis. Responden telah gagal membuat pembayaran jumlah yang dituntut walaupun tempoh 3 minggu telah tamat. Oleh kerana Pempetisyen tidak menerima sebarang pembayaran daripada Responden, pada 19.3.2019 Pempetisyen telah memfailkan Petisyen [KM1] untuk menggulung Responden.

[2] Pada 28.7.2019 Responden telah memfailkan permohonan untuk membatalkan Petisyen Penggulangan dengan kos [KM27] di bawah O 18 r 19 (1) (a), (b), (d) KKM 2012. Alasan-alasan yang diberikan ialah:

- (i) Petisyen Penggulangan bertarikh 19.3.2019 tidak sah dan pra-matang kerana Pempetisyen gagal mendaftarkan perintah timbang tara di Mahkamah Tinggi menurut s. 38 Akta Timbang Tara 2005;
- (ii) Hutang berjumlah RM 970,170.36 dipertikaikan oleh Responden; dan
- (iii) Terdapat rayuan terhadap Guaman Sivil Mahkamah Tinggi Kuantan No. 22 NCVC-53-09/2017 di Mahkamah Rayuan No: C-02 (NCvc)(W)-617-04/2019 di mana perjanjian yang dipertikaikan bertarikh 18.1.2014 merupakan perkara asas

dalam tindakan sivil di Mahkamah Tinggi Kuantan dan tindakan timbang tara.

Keputusan Mahkamah

[3] Berkaitan dengan isu (i) Peguam cara Responden bergantung kepada kes *Mobikom Sdn Bhd v. Inmiss Communications Sdn Bhd* [2007] 3 CLJ 295 di mana mahkamah memutuskan “*an arbitrator’s award is not final and binding unless and until it is registered as a judgment at the High Court.*”

[4] Kes *Mobikom [supra]* diputuskan menurut Akta Timbang Tara 1952. Di bawah Akta Timbang Tara 2005 terdapat banyak peruntukan statutori dan seksyen baru yang dimasukkan yang tidak ada dalam Akta Timbang Tara 1952. Di antaranya seksyen 36(1) Akta Timbang Tara 2005 yang memperuntukkan suatu award yang dibuat oleh Tribunal Timbang Tara adalah muktamad dan mengikat pihak-pihak tanpa perlu mendaftarkannya di Mahkamah Tinggi.

“S. 36. An award is final and binding

[1] An award made by an arbitral tribunal pursuant to an arbitration agreement shall be final and binding on the parties and may be relied upon by any party by way of defence, set-off or otherwise in any proceedings in any court.”

[5] Berdasarkan kepada peruntukan seksyen 36 (1) Akta Timbang Tara 2005, mahkamah memutuskan isu (i) tidak berasas kerana Award Tribunal Timbang Tara adalah muktamad, mengikat pihak-pihak dan mana-mana pihak boleh bergantung padanya sebagai pembelaan, tolakan atau selainnya dalam apa-apa prosiding mahkamah.

[6] Berkaitan dengan isu (ii) Responden mempertikaikan hutangnya terhadap Pempetisyen tetapi dia tidak menghadiri sesi perbicaraan di hadapan Tribunal Timbang Tara. Begitu juga selepas Tribunal Timbang

Tara memberikan keputusan Responden tidak mengambil apa-apa langkah untuk mengenenpikan perintah itu menurut s. 37 (1) (a) (ii) Akta Timbang Tara 2005. Award dan jumlah hutang telah muktamad pada 18.2.2019 selepas tamat 90 hari. Petisyen ini bersandarkan kepada suatu award muktamad oleh Tribunal Timbang Tara selepas satu perbicaraan. Responden dalam tindakan ini tidak boleh dibenarkan untuk mempertikaikan award Tribunal Timbang Tara yang telah muktamad menurut s. 37(4) Akta Timbang Tara 2005. Responden bertanggungjawab terhadap award/jumlah hutang yang telah diputuskan oleh Tribunal Timbang Tara. Justeru itu hutang yang dituntut oleh Pempetisyen tidak lagi merupakan pertikaian hutang yang bona fide seperti dihujahkan oleh Peguam cara Responden.

[7] Responden tidak boleh mencabar keesahan keputusan Tribunal Timbang Tara berkaitan dengan jumlah hutang yang tertunggak. Responden terikat dengan keputusan itu yang sah dan teratur kecuali ianya diketepikan. Mahkamah Penggulungan tidak harus menjengah di belakang keputusan kecuali terdapat bukti yang menunjukkan bahawa keputusan itu diperolehi melalui fraud atau pakatan sulit atau sebab-sebab lain menurut seksyen 37(1) Akta Timbang Tara 2005.

[8] Berkaitan dengan isu (iii) mahkamah berpendapat kewujudan rayuan tidak menjadikan hutang itu sebagai bona fide hutang yang dipertikaikan. Tambahan pula dalam kes ini, Responden tidak mengemukakan sebarang rayuan terhadap keputusan Tribunal Timbang Tara. Dalam kes *Sri Jeluda Sdn Bhd v. Pentalink Sdn Bhd* [2008] 4 CLJ 359 MR memutuskan:

*“The fact that petition for winding up (enclosure 2) was taken based on a summary judgment **which is on appeal is not a good ground to justify dismissing the petition for winding up.***

... A judgment remains a regular and enforceable until it is set aside by the court. Although the Respondent had filed an appeal against the judgment, the judgment remains a good judgment until it is set

aside on appeal. Until the judgment is set aside, the claim by the Petitioner based on the said judgment cannot be regarded as a bona fide disputed debt. The fact that the Respondent had lodged an appeal against the judgment means that he still disputed the debt but does not establish that the debt is bona fide disputed.”

[9] Tindakan Responden memfailkan permohonan di KM 27 hanya bertujuan untuk melengahkan prosiding penggulungan syarikat yang difailkan oleh Pempetisyen. Mahkamah tidak perlu melayan permohonan *striking out* dalam petisyen *winding up*. Dalam kes *Maril-Rionbel (M) Sdn Bhd & Anor v. Perdana Merchant Bankers Bhd & Other Appeals* [2001] 3 CLJ 248;

“As pointed out by my learned brother Gopal Sri Ram JCA, the unhealthy trend is, upon being served with a petition, instead of defending the petition proper at the hearing of the petition, the respondent makes all kinds of interlocutory applications. That would invariably stall the hearing of the petition proper. If the application is dismissed, the respondent would appeal to the Court of Appeal or may even try to go further, further delaying the hearing of the petition.

One of the most abused procedure adopted in winding up proceedings is the application to strike out the petition under O.18 r.19 of the RHC 1980 and/or the inherent jurisdiction of the court.

...

Having written on it four times and and two languages, it is timely that my learned brother Gopal Sri Ram JCA and this court come out strongly against such practice, which, at the very least is delaying the hearing and disposal of winding-up petitions, which is unfair to the petitioners and clogging the court docket.” (emphasis is bold)



[10] Pempetisyen telah membuktikan petisyen ini difailkan berdasarkan kepada satu award muktamad yang diputuskan oleh Tribunal Timbang Tara dan Responden tidak membuat sebarang permohonan di Mahkamah Tinggi untuk mengenenpikan keputusan tersebut. Afidavit sokongan Responden telah gagal untuk membuktikan terdapat pertikaian bona fide terhadap hutang yang dituntut oleh Pempetisyen. Berdasarkan kes *Bandar Builder Sdn Bhd v. United Malayan Banking Corporation Sdn Bhd* [1993] 3 MLJ 36 SC dan *Meeriam Rosaline a/p Edward Paul v. William Singam a/l Raja Singam [suing as Public Officer of Pertubuhan Persaudaraan Kristian Thaveethin Kudaran, Ipoh, Perak]* [2010] 4 MLJ 541, CA mahkamah memutuskan kes ini bukanlah satu kes yang jelas dan nyata untuk dibatalkan di bawah O 18 r 19 KKM 2012.

[11] Berdasarkan di atas mahkamah telah menolak permohonan Responden di KM27 dengan kos RM 2,000.00 tertakluk kepada alokatur.

Bertarikh: 19 NOVEMBER 2019

(HASSAN ABDUL GHANI)

Hakim Mahkamah Tinggi Malaya

Temerloh, Pahang

Kaunsel:

Bagi pihak pempetisyen - C. Natarajan; T/n Siew & Jasmeet

Peguamcara & Peguambela

Suite 7.5 & 7.6, 7th Floor, Heritage House

No. 33, Jalan Yap Ah Shak

Off Jalan Sultan Ismail

50300 Kuala Lumpur

Bagi pihak responden - Azzan Aznan; T/n Azzan Aznan & Associates

Peguambela & Peguamcara

Suite 21-2, Jalan Prima SG1



[2019] 1 LNS 1810

Legal Network Series

Prima Sri Gombak
68100 Batu Caves
Selangor Darul Ehsan